



HLM Takaful **i-Care** Hasanah Privilege

Yakin Melayari Kehidupan



Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau
hubung 03-7650-1800
Layari www.hlmtakaful.com.my



PERLINDUNGAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Hong Leong MSIG Takaful Berhad adalah ahli PIDM.

HLM Takaful i-Care Hasanah Privilege



01 Perlindungan untuk Anda

Pelan Takaful berkaitan pelaburan selama 20 tahun, HLM Takaful i-Care Hasanah Privilege ini direka untuk menyediakan keperluan kewangan buat anda dan yang tersayang sekiranya peristiwa yang tidak diduga seperti Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹ atau kematian berlaku.

Oleh itu, yakinlah melayari kehidupan dengan mengetahui keperluan perlindungan anda dijaga.

Kami menawarkan anda dua pilihan bagi menentukan manfaat yang akan dibayar:

Face Plus

Jumlah Perlindungan Asas dan Nilai Akaun²

ATAU

Level Face

Jumlah Perlindungan Asas atau Nilai Akaun, yang mana lebih tinggi

Sekiranya tiada tuntutan TPD atau kematian dibuat sebelum sijil matang, Nilai Akaun akan dibayar.

¹ Perlindungan TPD sehingga 65 tahun.

² Nilai Akaun adalah bersamaan nilai Akaun Pelaburan Peserta (PIA). Nilai Akaun tersebut adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin.

02 Simpanan untuk Anda

Lengkapi pelan perlindungan anda dengan **Living Assistance Care 2 Rider (LACR2)** yang menyediakan simpanan tahunan untuk mencapai matlamat jangka pendek dan panjang anda.



Berdasarkan amaun yang dipilih, simpanan tahunan akan dilaburkan semula ke dalam PIA anda untuk potensi pulangan yang lebih tinggi.

Apabila berlaku TPD atau kematian, simpanan tahunan yang masih belum dilaburkan semula akan dibayar secara sekali gus.



03 Perkhidmatan Nilai Tambahan untuk Anda

Kami boleh menguruskan untuk menunaikan tanggungjawab keagamaan atau menyumbang kepada badan kebajikan bagi pihak anda apabila berlaku TPD atau kematian. Sila rujuk kepada Soalan Lazim untuk maklumat lanjut.



Badal Haji



Korban



Wakaf

Bagaimana Pelan Ini Berfungsi?


LANGKAH 1

Tentukan jumlah perlindungan



LANGKAH 2

Pilih jenis perlindungan



LANGKAH 4

Pilih dana* pelaburan



**Sila rujuk Helaian Fakta Dana untuk maklumat lanjut mengenai dana berkaitan pelaburan di atas.*

LANGKAH 6

Tingkatkan pelan anda dengan rider pilihan untuk jaminan yang lebih besar

- ✓ Payor Care 4
- ✓ Top-Up Care 3
- ✓ Waiver of Contribution on Critical Illness

LANGKAH 3

Pilih tempoh sumbangan



LANGKAH 5

Lengkapi pelan anda dengan LACR2 dan simpanan tahunan akan dilaburkan semula ke dalam PIA anda



JENIS DANA TAKAFUL

1. Akaun Pelaburan Peserta (PIA)

Sumbangan yang dibayar setelah ditolak Yuran Wakalah akan ditukar menjadi unit bagi dana berkaitan pelaburan pilihan anda dan diperuntukkan ke dalam PIA. Kami akan mengurus dan melabur PIA mengikut terma dan syarat sijil berdasarkan konsep Wakalah Bi Al-Istithmar³. Nilai Akaun adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin. Seratus peratus (100%) daripada keuntungan pelaburan tahunan (jika ada) akan dikreditkan kembali ke dalam PIA. Sebarang risiko pelaburan daripada PIA akan ditanggung sepenuhnya oleh peserta dan Nilai Akaun mungkin lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.

2. Dana Risiko Peserta (PRF)

Secara bulanan, Tabarru' yang telah ditentukan akan ditolak daripada PIA (melalui pembatalan unit) ke dalam PRF berdasarkan konsep Iltizam Bi Al-Tabarru'⁴ untuk menyediakan perlindungan Takaful di bawah pelan ini. Jumlah Perlindungan Asas dan simpanan tahunan dibawah Living Assistance Care 2 Rider (jika berkenaan) akan dibayar daripada PRF dan adalah dijamin. Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan pada kadar 50:50 di antara peserta yang layak dan Pengendali Takaful berdasarkan prinsip Ju'alah⁵. Bahagian lebihan peserta akan dikreditkan ke dalam PIA.

³ Wakalah Bi Al-Istithmar bermaksud kontrak agensi untuk pelaburan di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen (wakil) untuk melaburkan sumbangan peserta dengan sewajarnya. Pengendali Takaful tidak berhak ke atas sebarang keuntungan atau menanggung sebarang kerugian. Walau bagaimanapun, Pengendali Takaful berhak untuk memperoleh imbuhan berdasarkan peratusan yang tetap dari Nilai Akaun, seperti kadar yang ditetapkan sebagai Yuran Pengurusan Dana untuk menguruskan dana itu.

⁴ Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.

⁵ Ju'alah bermaksud perjanjian di mana peserta bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful kerana pencapaian atau prestasi baik dalam menguruskan PRF yang menghasilkan lebihan.

YURAN DAN CAJ

1. Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pendedaran langsung, termasuk komisen. Peratusan Yuran Wakalah berbeza mengikut tempoh sumbangan dan tahun sijil seperti yang ditunjukkan di bawah:

Pelan Asas

Tempoh Sumbangan (tahun)	Tahun Sijil						
	1	2	3	4	5	6	7 sehingga akhir Tempoh Sumbangan
3	14.0%	14.0%	2.0%	Tiada			
8	25.5%	25.5%	25.5%	1.0%	1.0%	1.0%	Tiada
10	28.0%	28.0%	28.0%	5.0%	5.0%	5.0%	Tiada

Living Assistance Care 2 Rider (jika berkenaan)

Tempoh Sumbangan (tahun)	Tahun Sijil						
	1	2	3	4	5	6	7 sehingga akhir Tempoh Sumbangan
3	40.0%	28.0%	21.0%	Tiada			
8	50.0%	29.5%	21.0%	15.0%	11.0%	11.0%	3.0%
10	46.0%	30.5%	22.5%	17.0%	11.0%	11.0%	3.0%

2. Tabarru'

Tabarru' adalah bahagian daripada sumbangan dibayar yang akan diambil daripada PIA dan diperuntukkan ke dalam PRF. Tabarru' akan digunakan untuk bantuan bersama di kalangan peserta. Amaun Tabarru' bergantung kepada jumlah perlindungan, umur, jantina, kelas pekerjaan dan keadaan kesihatan orang dilindungi. Kadar Tabarru' adalah dijamin.

3. Yuran Pentadbiran Bulanan⁶

RM8 akan ditolak daripada PIA (melalui pembatalan unit) setiap bulan. Yuran ini adalah bertujuan untuk penyelenggaraan dan servis sijil anda.

4. Caj Pengurusan Dana⁶

Yuran seperti yang ditunjukkan di bawah akan dicaj bagi tujuan menguruskan dana bagi pihak peserta.

Jenis Dana	Caj Pengurusan Dana (sebagai % daripada nilai dana pelaburan)
Dana HLMT i-Income	1.00% setahun
Dana HLMT i-Balanced	1.25% setahun
Dana HLMT i-Equity	1.50% setahun
Dana HLMT Makmur	1.50% setahun
Dana HLMT Maa'rof	1.50% setahun
Dana HLMT Global Syariah ESG	1.50% setahun

5. Yuran Serahan⁶

Yuran Serahan akan ditolak daripada Nilai Akaun.

Tempoh Sumbangan (tahun)	Tahun Sijil						
	1	2	3	4	5	6	7 – 20
3	12.0%	10.0%	8.0%	Tiada			
8	12.0%	10.0%	8.0%	6.0%	4.0%	2.0%	Tiada
10	12.0%	10.0%	8.0%	6.0%	4.0%	2.0%	Tiada

6. Yuran Pengeluaran Separa⁶

Anda boleh membuat pengeluaran separa daripada PIA pada bila-bila masa tertakluk kepada yuran pengeluaran separa, pengeluaran minimum RM500 dan Nilai Akaun minimum RM1,000 selepas pengeluaran. Yuran Pengeluaran Separa akan ditolak daripada Nilai Akaun yang dikeluarkan.

Tempoh Sumbangan (tahun)	Tahun Sijil						
	1	2	3	4	5	6	7 – 20
3	12.0%	10.0%	8.0%	Tiada			
8	12.0%	10.0%	8.0%	6.0%	4.0%	2.0%	Tiada
10	12.0%	10.0%	8.0%	6.0%	4.0%	2.0%	Tiada

7. Yuran Pertukaran Dana

Tiada bayaran akan dikenakan apabila anda menukar dana pelaburan semasa anda kepada jenis dana yang lain.

⁶ Kami berhak untuk mengubah yuran dan caj dengan memberikan notis bertulis tiga (3) bulan kepada peserta sebelum ulang tahun sijil yang seterusnya.

SOALAN LAZIM

1. Apakah maksud Takaful?

Istilah 'Takaful' merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang bagi tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru' (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

2. Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum bagi HLM Takaful i-Care Hasanah Privilege?

Umur kemasukan minimum adalah 30 hari manakala umur kemasukan maksimum adalah 65 tahun.

3. Apakah perlindungan minimum dan maksimum bagi pelan ini?

Jumlah Perlindungan Asas minimum bagi pelan ini bergantung kepada umur anda manakala Jumlah Perlindungan Asas maksimum tertakluk kepada keperluan pengunderaitan.

4. Apakah rider yang tersedia untuk meningkatkan perlindungan saya?

Anda boleh memilih untuk melampirkan mana-mana rider yang berikut kepada HLM Takaful i-Care Hasanah Privilege:

Rider	Penerangan Ringkas
Living Assistance Care 2 Rider	Rider pembayaran sumbangan yang menyediakan simpanan tahunan tetap yang akan dilaburkan semula ke dalam Akaun Pelaburan Peserta (PIA).
Waiver of Contribution on Critical Illness Rider	Jika orang dilindungi didiagnosis dengan salah satu daripada 36 penyakit kritikal ⁷ , sumbangan masa depan bagi pelan asas dan sebarang rider pembayaran sumbangan akan dikecualikan.
Payor Care 4 Rider	Jika peserta meninggal dunia atau mengalami TPD, sumbangan masa depan bagi pelan asas dan sebarang rider pembayaran sumbangan akan dikecualikan.
Top-Up Care 3 Rider	Jika peserta meninggal dunia atau mengalami TPD, sumbangan tambahan berkala masa depan akan dikecualikan.

5. Apakah pilihan mod dan cara pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan anda secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui tunai, kad kredit/debit, debit auto, debit terus, arahan tetap atau Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).

6. Bolehkah saya mengetahui dengan lebih lanjut tentang Perkhidmatan Nilai Tambahan?

⁷ Dengan syarat orang dilindungi hidup sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis penyakit kritikal tersebut.

Apabila berlaku TPD atau kematian, sejumlah amaun akan ditolak daripada manfaat Takaful yang akan dibayar di bawah sijil anda dan membayarnya kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami. Butiran perkhidmatan yang boleh anda pilih adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Perkhidmatan	Jumlah (RM)	Penerangan
Badal Haji	7,000 ⁸	Melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak pelanggan Muslim yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan penyakit, usia tua atau kematian.
Korban	750 ⁸	Menjalankan ibadah Korban bagi pihak pelanggan Muslim semasa Aidil Adha termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu atau unta.
Wakaf	500	Pemberian sebahagian daripada harta secara sukarela, kekal dan tidak boleh diubah untuk tujuan keagamaan atau kebajikan.

Sekiranya perkhidmatan di atas tidak dapat dijalankan atas sebab ketiadaan perkhidmatan oleh penyedia perkhidmatan atau jumlah perkhidmatan melebihi manfaat Takaful yang perlu dibayar, perkhidmatan tersebut akan terbatal dan Kami akan membayar jumlah manfaat Takaful penuh.

7. Apakah pengecualian untuk HLM Takaful i-Care Hasanah Privilege?

- Tiada manfaat kematian kecuali Nilai Akaun akan dibayar sekiranya kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan atau tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian.
- Manfaat TPD tidak akan dibayar sekiranya TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras atau sebarang keadaan atau hilang upaya yang telah wujud sebelum atau pada tarikh permulaan atau tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful dan/atau Sijil Takaful Tambahan untuk senarai penuh pengecualian bagi pelan asas dan Rider pilihan.

8. Apakah yang berlaku jika saya menamatkan sijil Takaful saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil Takaful tersebut kepada kami berserta notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Nilai Akaun (jika ada), sebarang sumbangan yang tidak diperuntukkan, Tabarru' dan yuran perkhidmatan bulanan yang telah ditolak akan dibayar kepada anda, ditolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung. Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil Takaful anda dan amaun yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

9. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful i-Care Hasanah Privilege layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya. Anda layak mendapat pelepasan cukai peribadi bagi sumbangan yang telah dibayar di bawah "Insurans Hayat/Takaful" sehingga RM3,000, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

⁸ Tertakluk kepada perubahan mengikut amaun yang dicaj oleh penyedia perkhidmatan terakhir yang tersedia atau yang terkini.

NOTIS PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan Takaful ini dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda perlu membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah pelan Takaful ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan Takaful ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah pelan Takaful ini adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat kepada kami supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian pelan Takaful untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil Takaful anda dengan mengembalikan sijil Takaful tersebut dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Kami akan mengembalikan kepada anda sebarang sumbangan yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya, sebarang Tabarru' dan yuran pentadbiran bulanan yang telah dipotong, ditolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung.
- 5. Ini adalah produk Takaful yang terikat dengan prestasi aset dasar dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**
6. Prestasi pelaburan PIA anda adalah tidak dijamin. Adalah mungkin bahawa PIA anda tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj berkaitan lain disebabkan oleh pulangan pelaburan yang rendah. Dalam kes berikut, anda perlu membayar sumbangan tambahan sekiranya anda ingin mengekalkan sijil Takaful anda.
7. Sekiranya sumbangan tidak dibayar, perlindungan sijil Takaful anda akan berterusan selagi Nilai Akaun anda mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj-caj lain yang berkaitan. Sekiranya Nilai Akaun anda tidak mencukupi untuk menampung semua caj dan tiada pembayaran dibuat oleh anda selepas tempoh ihsan selama 30 hari, sijil Takaful anda akan luput.
8. Penyertaan dalam Takaful berkaitan pelaburan dengan sumbangan berkala adalah satu komitmen jangka panjang. Adalah tidak digalakkan untuk memegang pelan Takaful ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaannya yang tinggi.
9. Jika anda membatalkan sijil Takaful anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun yang lebih kurang daripada amaun yang telah disumbangkan.
10. Sijil Takaful tidak akan memberikan sebarang bayaran daripada PRF apabila penamatan awal, penyerahan atau kematangan sijil Takaful.
11. Untuk mengetahui harga unit bagi setiap dana berkaitan pelaburan, anda boleh melayari laman web korporat kami atau merujuk kepada akhbar* "Berita Harian" dan "The New Straits Times Press".
12. Semua umur yang disebut dalam risalah ini adalah berdasarkan pada hari jadi akan datang.
13. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Berkaitan Pelaburan, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai "Takaful Berkaitan Pelaburan" di mana-mana cawangan kami, atau layari www.hlmtakaful.com.my.
14. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

*Tertakluk kepada perubahan tanpa notis selanjutnya.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen HLM Takaful yang mesra hari ini!



Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Ibu Pejabat

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tel: 03-7650 1800

Emel: ReachUs@takaful.hongleong.com.my



www.hlmtakaful.com.my



Hong Leong MSIG Takaful Berhad



hlmtakaful